

JAWATAN: KONSULTAN, PUSAT PEMBANGUNAN INTEGRITI KOMUNITI

SENARAI TUGAS:

1. Membantu merancang dan merangka aktiviti-aktiviti konsultasi dan penilaian berkaitan integriti dan tatakelola kepada sektor komuniti.
2. Membantu merancang dan menjalankan program latihan dan advokasi kepada sektor komuniti.
3. Membantu dalam merancang dan melaksanakan program kerjasama strategik dengan pihak berkepentingan.
4. Membantu merangka dan perekrutanan produk/inisiatif baharu bersesuaian dengan kehendak klien.
5. Membantu membangunkan saluran-saluran baharu yang sesuai dan efektif bagi aktiviti pemasaran dan penjualan produk.
6. Membantu menyelaraskan dan melaksanakan penulisan berkaitan integriti dan tatakelola kepada sektor komuniti.

KEPERLUAN PENDIDIKAN DAN KELAYAKAN AKADEMIK:

Memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sains Sosial (Komuniti dan Keluarga) atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Institusi Kerajaan.

KEMAHIRAN – KEMAHIRAN YANG DIPERLUKAN:

- Berintegriti dan mempunyai motivasi diri yang tinggi.
- Mempunyai kemahiran interpersonal dan komunikasi yang baik
- Berkemahiran dalam penggunaan komputer dan perisian Microsoft terutamanya MS Office - Excel, Word dan Power Point
- Mahir menggunakan perisian seperti Canva, *software dashboard* dan SPSS.
- Mempunyai Sijil Latihan Train-the-Trainer (TTT) atau sijil-sijil latihan yang setara.

PENGALAMAN KERJA YANG DIPERLUKAN:

- Mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman kerja dalam bidang yang berkaitan.
- Berpengalaman berurusan dengan agensi kerajaan dan swasta.
- Berkemahiran mengelola pembentangan kepada pelbagai pihak termasuk sektor kerajaan dan swasta.
- Berpengalaman dalam mengelola dan melaksanakan program di peringkat dalaman dan luaran, termasuk latihan serta advokasi kepada organisasi kerajaan dan swasta.
- Pengalaman dan pengetahuan yang luas dalam pembangunan serta penulisan modul untuk agensi kerajaan dan swasta akan diberi keutamaan.

GAJI:

RM 2,250 – RM 11,110 (tidak termasuk elaun/imbuhan)

Tangga gaji bergantung kepada pengalaman dan kelayakan yang berkaitan

TARAF JAWATAN:

Kontrak dua (2) tahun

PERKARA AM:

1. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu duga.
2. Permohonan yang tidak mengikut peraturan, tidak lengkap dan diterima selepas tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan.
3. Permohonan adalah terbatal sekiranya didapati pemohon memberikan maklumat yang tidak benar.
4. Pemohon yang tidak menerima sebarang maklum balas dari IIM dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan, permohonan dianggap tidak berjaya.

PANDUAN PERMOHONAN:

1. Sila sertakan resume atau "curriculum vitae" dan salinan sijil-sijil yang berkaitan.
2. Sila hantarkan permohonan ke alamat emel (people@iim.gov.my), ATAU dengan memohon melalui portal MYFutureJobs (<https://www.myfuturejobs.gov.my>)

TARIKH AKHIR PERMOHONAN:

8 Julai 2025 (Selasa)